

From: UUM - Jabatan Enterprise dan Penjanaan Sumber Kewangan
Sent: Thursday, 1 February, 2018 3:46 PM
To: UUM - All Staff
Subject: LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH HURAIKAN KEPENTINGAN BERZAKAT KEPADA AGAMA, INSTITUSI, MASYARAKAT DAN NEGARA



01 FEBRUARI 2018 / 15 JAMADILAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

YBhg.Dato'/Datuk/Datin/YBrs.Prof/Tuan/Puan



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH HURAIKAN KEPENTINGAN BERZAKAT KEPADA AGAMA, INSTITUSI, MASYARAKAT DAN NEGARA

UUMEnterprise Online: Wakil Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, iaitu Pengarah Kanan (Penolong Naib Canselor) Jabatan Enterprise dan Penjanaan Sumber Kewangan,

Penolong Naib Canselor UUMCOB dan Bendahari UUM telah mengadakan perbincangan dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dakwah dan Kutipan, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), En. Mohd Faisal Mustaffa pada 24 Januari 2018 bertempat di Bilik Sri Delima, Bangunan Canselori, UUM.

Perbincangan turut dihadiri oleh wakil Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Pegawai dari UUM Enterprise, Jabatan Bendahari, serta enam orang Pegawai LZNK.

Antara intipati penting daripada perbincangan tersebut ialah susulan lantikan UUM sebagai agen kutipan zakat selain perbincangan mengenai pelbagai kerjasama strategik untuk membangunkan pengurusan zakat Kedah. Perbincangan turut menyentuh tentang kerjasama dan kajian serta penyelidikan pembangunan pelan strategik LZNK yang telah dikenalpasti.

Selanjutnya, Timbalan LZNK turut memaklumkan bahawa, kutipan zakat pendapatan daripada kakitangan UUM adalah berjumlah melebihi RM3 juta bagi tahun 2017 merupakan kutipan tertinggi pernah dicapai. Justeru, kesedaran menunaikan tanggungjawab berzakat amatlah bermakna dan bermanfaat kepada golongan asnaf selain institusi (UUM) bagi tujuan pengurusan zakat.

=====

JABATAN ENTERPRISE DAN PENJANAAN SUMBER KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
Tel: +604-9283901/3902
E-mel: uument@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.